



BERITA BUKIT AMAN

Berintegriti Beretika Amanah

Bil. 1/2011

www.rmp.gov.my

ISSN 1394 - 8687



**PDRM
SENTIASA BERDAYA SAING**

BERITA BUKIT AMAN
ISSN 1394-8687



9 771394 868002



Paluan Berundur Deputi Inspektor Jeneral Datuk Hussin bin Haji Ismail

Oleh: L/kpl Fansus Jangor.

Kuala Lumpur - 14 April 2011, Ktersemat dalam lipatan sejarah pasukan PDRM dengan berlangsungnya upacara Paluan Berundur Sempena Persaraan Deputi Inspektor Jeneral Datuk Hussin Haji Ismail, Timbalan Ketua Polis Negara di Dataran Kawad Pulapol Kuala Lumpur.

Hadir sama di majlis tersebut, Inspektor Jeneral Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, Ketua Polis Negara, Pengarah-Pengarah Jabatan PDRM dan isteri, Pesuruhjaya Polis dan Ketua-Ketua Polis Negeri dan isteri, Pegawai-Pegawai Kanan dan tetamu jemputan.

Persembahan Pancaragam PDRM pimpinan Supt Alina Saad yang juga merupakan Ketua Pengarah Muzik PDRM seterusnya mengisi slot upacara sehingga kemuncaknya apabila Deputi Inspektor Jeneral Datuk Hussin Haji Ismail menjadi konduktor beberapa buah lagu rasmi PDRM.

Majlis diserikan lagi dengan bacaan sajak bertajuk 'Jasamu Dalam Kenangan' oleh ASP Zahari Abu Samah dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman.

Selepas upacara 'Beating the Retreat', upacara menurunkan bendera 'Sang Saka Biru' dilaksanakan, 3 buah helikopter dari Unit Udara PDRM jenis Ecureuil AS 355N telah melakukan lintas hormat yang diketuai oleh juruterbang DSP Norsham Md. Jani, ASP Thiagarajan Marappan dan ASP Jefri Jaafar.

Deputi Inspektor Jeneral Datuk Hussin Haji Ismail dan Datin Nur Habibah Hatim bersalaman dengan hadirin dan menandatangani Buku Pelawat buat kali terakhir, sebelum ditarik dengan kenderaan



istiadat oleh Pegawai-Pegawai Kanan sehingga ke pintu Balai Pengawal sebagai tanda penghormatan terakhir.



PENASIHAT

ACP Ramli Mohamed Yousuf

KETUA EDITOR

Supt. Norisah Ab Hamid

EDITOR

DSP Venugopal Navaretnam

PENOLONG EDITOR

ASP Mohd Fadzil Ismail
C/Insp. Mohd Zaki Abu Bakar
Insp. Haslina Muhamad Nor

STAF PENULIS

SM. Megat Nizar Megat Uda Abdullah
Kpl. Mohamad Wahid Mat Din
Kpl. Noorlidia Mamun
L/Kpl. Aslam Syir Khan
L/Kpl. Fansus Jangor
L/Lpl. Sufian Arshad

PEREKA GRAFIK

Sjn. Zakaria Muhamad (kia)

PENTADBIRAN / PENGEDARAN

Shimatul Aida Maamor

KEWANGAN

DSP Shahrin Ali
Encik Baharudin Baba

ALAMAT SURAT MENYURAT

Unit Penerbitan
Cawangan Perhubungan Awam
Polis Diraja Malaysia
Bukit Aman
50560 Kuala Lumpur

Tel.: 03-2266 8325/8329
Fax: 03-2266 8310

DICETAK OLEH:

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD



Sempena Tahun Baru 2011, Ketua Polis Negara telah menegaskan dalam amanat beliau yang mahu menjadikan Malaysia sebagai negara yang lebih selamat, bebas jenayah serta PDRM sebagai pasukan yang unggul dan berintegriti. Integriti yang merupakan teras perkhidmatan PDRM perlu ditanam kukuh di dalam diri setiap individu bagi pembangunan modal insan dari aspek rohani, jasmani dan intelek supaya masyarakat dapat menjadikan pegawai ataupun anggota PDRM sebagai 'role model'.

Selain itu kebanggaan dapat dirasakan oleh setiap warga PDRM apabila KPN memaklumkan bahawa Global Peace Index telah meletakkan Malaysia di tangga ke-22 daripada 149 negara yang paling selamat di dunia, berbanding dengan kedudukan ke-38 pada tahun 2008 dan ke-26 pada tahun 2009. Di peringkat Asia Pasifik pula Malaysia berada di tempat ke-4 di belakang New Zealand, Japan dan Australia. Ini merupakan satu pencapaian yang memberangsangkan dan kita akan memastikan prestasi ini dapat dipertingkatkan pada masa akan datang.

Satu kaedah yang diamalkan dalam pasukan masa kini adalah Petunjuk Prestasi Utama (KPI), iaitu inisiatif yang mengukur keberkesanan pengoperasian pasukan secara efektif. Ia bertujuan memastikan wujudnya elemen kebertanggungjawaban serius dan bersungguh-sungguh di kalangan warga PDRM, baik pegawai polis mahupun kakitangan awam. Menerusi dorongan transformasi Gagasan 1Malaysia: "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan", di mana rakyat ialah 'pelanggan' utama dan kita sebagai pasukan penguatkuasa terunggul yang berfungsi memberi khidmat, tidak boleh membiarkan rakyat dalam keadaan samar, keliru, dan tidak pasti dengan apa sebenarnya yang sedang kita lakukan, apakah inisiatif yang kita ambil untuk penyelesaian sesuatu konflik, apakah rencana yang ingin kita laksanakan, serta ke mana sebenarnya hala tuju rancangan itu yang kita ingin laksanakan untuk faedah masyarakat.

Jika dikaji dari segi konteks keyakinan masyarakat dan rasa takut menjadi mangsa jenayah, kajian yang dijalankan oleh Taylor Nelson Sofres (TNS) Research International Malaysia mendapati keyakinan masyarakat terhadap PDRM telah meningkat kepada 55.8% dalam tempoh suku terakhir tahun 2010 berbanding 42.2% bagi tempoh suku kedua tahun 2010. Sementara itu, dalam tempoh suku terakhir tahun 2010, rasa takut menjadi mangsa jenayah telah menurun kepada 52.8% berbanding 55.1% bagi tempoh suku kedua tahun 2010.

Walaupun pencapaian ini membanggakan, namun untuk berdaya saing di peringkat global, PDRM tidak boleh kekal selesa pada tahap itu, dan semua pengalaman serta kejayaan yang dicapai sehingga kini membuktikan bahawa kita berupaya untuk menjadi lebih baik di masa hadapan. Maka itulah, kita perlukan imej cemerlang pada penilaian mata rakyat, dan caranya ialah dengan memastikan perkhidmatan terbaik, cekap dan menyenangkan. Lagi pula, perkhidmatan polis itu sendiri asalnya memang diwujudkan untuk berkhidmat kepada rakyat. Justeru, elakkan berkompromi dalam hal ini. Adalah menjadi harapan semua pihak agar PDRM akan terus menambahbaik perkhidmatan sedia ada supaya ianya dapat memenuhi keperluan dan kehendak semua pihak terutamanya masyarakat umum pada setiap masa.

-DSP Venugopal

Pertemuan KPN DAN PAT

Oleh: SM Megat Nizar

Keakraban jelas terpancar di antara kedua-dua pemimpin tertinggi Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia.

Keakraban terbukti ketika Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar, Ketua Polis Negara, (kanan) mengadakan pertemuan dengan Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin, Panglima Angkatan Tentera Malaysia, di Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur, pada 8 April 2011.

Melalui pertemuan mesra itu, pelbagai perkara dibincangkan demi persahabatan dan kerjasama yang telah sedia terjalin sekian lama di antara PDRM dan ATM, dalam memastikan kesejahteraan masyarakat dan keamanan negara terus kekal.



PDRM - MEDIA ERAT HUBUNGAN

Oleh: SM Megat Nizar

Bukit Aman, 6 Januari 2011 – Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Hj Omar, Ketua Polis Negara, mengadakan perjumpaan khas dengan Ketua-Ketua Pengarang Media tempatan, di Bilik Mesyuarat Ketua Polis Negara, Tingkat 31, Menara 1, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur.

Perjumpaan yang dihadiri oleh Ketua-

Ketua Pengarang dan wakil-wakil dari Bernama, Harian Metro, Utusan Malaysia, Sinar Harian, New Straits Times, Sin Chew Daily, China Press dan Malaysia Namban itu bertujuan mengeratkan lagi hubungan kerjasama antara PDRM dengan Media selain menerangkan perancangan dan hala tuju PDRM pada masa hadapan.

Pada pertemuan itu Tan Sri Hj. Ismail, turut menyentuh peranan Pusat Media

PDRM yang beroperasi 24 jam sehari dalam membantu dan memberi kemudahan kepada pihak media untuk mendapatkan sumber maklumat yang tepat dan sahih selain menjawab dan menjelaskan sebarang isu kepolisan agar masyarakat memahami perkara yang sebenar.

Turut hadir adalah Deputi Inspektor Jeneral Datuk Hussin Hj. Ismail, Timbalan Ketua Polis Negara.

LAWATAN BALAS KARIAH Masjid Bukit Antarabangsa

Oleh: L/Kpl. Aslam Syir Khan

Bukit Aman, 11 Mac 2011 - Seramai 40 orang kariah Masjid Bukit Antarabangsa, Hulu Klang, Selangor bersembahyang Jumaat di Masjid Bukit Aman setelah diundang oleh Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar, Ketua Polis Negara, sebagai memenuhi lawatan balas delegasi Ketua Polis Negara yang telah mengadakan sembahyang Jumaat bersama masyarakat di Masjid Antarabangsa Hulu Klang pada 22 Oktober 2010 lalu.

Sebelum delegasi menunaikan sembahyang Jumaat, mereka dibawa melawat Muzium PDRM sebelum ke Masjid Bukit Aman.

Delegasi turut dipertontonkan video

korporat 'Organisasi Polis Diraja Malaysia' di Dewan Theatre, Menara 1 Bukit Aman serta melakukan Kunjung Hormat ke atas Tan Sri Haji Ismail Haji Omar, di Pejabat Ketua Polis Negara.

"Saya amat berbangga dan mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesudian delegasi kariah Masjid Antarabangsa Hulu Klang dapat meluangkan masa dan hadir dalam program lawatan ke Bukit Aman. Saya berharap dengan kerjasama dan program yang dijalankan, Insya-Allah akan dapat menolong untuk memperkasakan lagi integriti setiap warga PDRM agar menjadi pemimpin dan contoh yang baik kepada masyarakat" kata Tan Sri Hj. Ismail, ketika mengalu-alukan kedatangan delegasi itu.

"Jika masyarakat kita kukuh, kuat dan

bersatu melalui program-program kemasyarakatan yang diadakan di masjid, inilah kekuatan yang menjadi benteng kita untuk menakutkan penjenayah", ujar Tan Sri Hj. Ismail dengan harapan keutuhan hubungan dua hala yang telah sedia terjalin itu akan terus berkekalan.





Kunjungan Hormat Menteri Dalam Negeri Dan Pesuruhjaya Polis Australia

Oleh : L/kpl Fansus Jangor.

Bukit Aman, 14 Mac 2011 - Ketua Polis Negara, Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar menerima Kunjungan Hormat daripada Delegasi Australia yang terdiri daripada Menteri Dalam Negeri Australia, H.E Brendon O' Connor dan Pesuruhjaya Polis Australia, Commissioner Tony Negus.

Objektif kunjungan ini adalah untuk mengukuhkan lagi hubungan dua hala mengenai soal keselamatan

antara Malaysia dan Australia. Perbincangan secara tertutup yang berlangsung di Pejabat Ketua Polis Negara ini turut dihadiri oleh Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Deputy Inspektor Jeneral Datuk Hussin Hj. Ismail, Timbalan Ketua Polis Negara, CP Dato' Khalid Abu Bakar, Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDN/KA) serta beberapa Pegawai Kanan PDRM.



KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS TIMBALAN KETUA POLIS NEGARA

Oleh : L/kpl Aslam Syir Khan

Bukit Aman, 3 Januari 2011 - Kunjungan Hormat ke atas Datuk Hussin Haji Ismail, Timbalan Ketua Polis Negara oleh Presiden dan ahli Exco RESPA di Bilik Tetamu, Tingkat 31, Menara 1, Bukit Aman.

Turut hadir Tuan Haji Mohd Jamil Hassan, Presiden RESPA, Dato. Ahmad Tejudin Hj. Abd. Majeed, Ahli Exco RESPA dan Tuan Tahir Jalil, Setiusaha Agong RESPA.



Kunjungan Hormat Mr. Peter Chwal

Oleh : L/kpl Fansus Jangor.

Bukit Aman, 17 Januari 2011 - Mr. Peter Chwal daripada SLO Australian Federal Police Kuala Lumpur bersama seorang pegawainya telah membuat Kunjungan Hormat terhadap Ketua Polis Negara,

Inspektor Jeneral Tan Sri Ismail Hj. Omar di pejabat beliau Menara 1, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

Turut hadir semasa kunjungan tersebut SAC Ramli Din, Penolong Ketua Urusetia KPN (Pentadbiran).





P/ACP Ramli Mohamed Yoosuf dilantik PPP (Perhubungan Awam)

Oleh : SM Megat Nizar

Bukit Aman, 16 Februari 2011 - P/ACP Ramli Mohamed Yoosuf, Penolong Pengarah Pengurusan (Hal Ehwal Awam) Bukit Aman, dilantik menjawat jawatan Penolong Pengarah Pengurusan (Perhubungan Awam) Bukit Aman, menggantikan P/ACP Rasdi Ramli yang bertukar ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur sebagai Pegawai Turus Pentadbiran.

Manakala ACP Hajjah Fatimah Abdul Hamid yang sebelum itu bertugas sebagai Pegawai Turus Pentadbiran di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur dilantik sebagai Penolong Pengarah Pengurusan (Hal Ehwal Awam), Bukit Aman.



Majlis Serah Terima Tugas tersebut disaksikan oleh Dato' Zaleha Abdul Rahman, Timbalan Pengarah Pengurusan (Pentadbiran) PDRM. Turut hadir di majlis

tersebut ialah Dato' Hj. Muhamad Nadzri Hj. Ismail, Ketua Penolong Pengarah Pengurusan (Perjawatan) PDRM.

SERAH MENYERAH TUGAS PENGARAH JABATAN LOGISTIK

Oleh: L/kpl Fansus Jangor



Bukit Aman, 11 Mac 2011 – Secara Brasminya DCP Dato' Zubaidah binti Md. Ismail yang sebelum ini memegang jawatan sebagai Timbalan Pengarah 1, Jabatan Logistik mengambil alih tugas sebagai Pemangku Pengarah Jabatan Logistik yang sebelum ini disandang oleh CP Datuk Mashuri Zainal yang menjalani persaraan wajib pada 14 Mac 2011.

Majlis serah menyerahkan tugas turut disaksikan Deputy Insektor Jeneral Datuk Hussin Hj. Ismail, Timbalan Ketua Polis Negara dan turut dihadiri oleh Pengarah - Pengarah Jabatan PDRM, Pegawai-Pegawai Kanan, Anggota dan Kakitangan Awam, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.



MAJLIS PALUAN BERUNDUR PERSARAAN Pengarah Jabatan Logistik CP Datuk Mashuri Zainal



Ditah. D/ptl Fanus Jangor

Kuala Lumpur, 11 Mac 2011 – Majlis Paluan Berundur Pengarah Jabatan Logistik CP Datuk Mashuri bin Zainal dengan rasminya diadakan di Padang Kawad Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Lumpur.

Majlis ini turut dihadiri Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar, Ketua Polis Negara dan Puan Sri Hajjah Suriati Md Sobri, Deputy Inspektor Jeneral Datuk Hussin Hj. Ismail, Timbalan Ketua Polis Negara dan Datin Habibah Hatim, Tun Hanif Omar, Mantan Ketua Polis Negara, Pengarah-Pengarah Jabatan PDRM, Dif-Dif Jemputan, Pegawai- Pegawai Kanan Polis dan Anggota.



Majlis ini dimeriahkan dengan acara bacaan Puisi Khas dan persembahan Pancaragam Pusat PDRM. Ketua Pengarah Muzik PDRM, Superitendan Alina Saad telah menjemput Datuk Mashuri naik ke pentas khas untuk memimpin Pancaragam Pusat PDRM.

Di akhir Majlis, CP Datuk Mashuri dijemput untuk menaiki kenderaan istiadat dan ditarik ke

Balai Pengawal b a g i menandatangani Buku Pelawat di Balai Pengawal seterusnya menerima 'Tabik Hormat' dari *Guard Turn-Out* sebelum meninggalkan Maktab PDRM dengan menaiki kenderaan rasmi.



PUCUK PIMPINAN BERSIDANG MASA DEPAN PASUKAN

Oleh : SM Megat Nizar



Seri Kembangan, 23 Mac 2011 - Persidangan PJP/KP/Komander Briged PGA/Komander dan Komandan Bil 1/2011, berlangsung di Hotel Palace Of The Golden Horses, Seri Kembangan, Serdang, Selangor.

Persidangan tersebut didahului dengan ucapan aluan oleh Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar, Ketua Polis Negara dan disusuli oleh pembentangan kertas kerja oleh Pengerusi Zon yang telah dilantik.

Pada persidangan itu juga, Tan Sri Prof. Dr. Mohd Kamal Hassan menyampaikan ceramah yang bertajuk 'Categorization Of Muslims By Western Criteria: External And Internal Challenges To The Malaysian Police Force'.

Seterusnya sesi disusuli dengan ceramah bertajuk 'Economic Globalization And Its Impact On National Security' oleh Dato' Dr. Mahani Zainal Abidin.

MASUK PAR, PENCEN PENGARAH JL PDRM

Oleh : L/Kpl. Fansus Jangor

Bukit Aman, 11 Mac 2011- "Dengan rasa rendah diri dan tulus ikhlas memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah S.W.T, setelah lebih kurang 44 tahun berkhidmat dalam PDRM, iaitu lebih kurang 10 tahun sebagai Pembantu Pejabat bermula pada 6 Oktober 1967, dan 31 tahun sebagai Pegawai Kanan Polis, akhirnya telah tiba waktunya saya mengakhiri tugas dan tanggungjawab yang sangat saya cintai ini, dengan jawatan terakhir sebagai Pengarah Jabatan Logistik Polis Diraja Malaysia", ujar Datuk Mashuri Zainal pada Majlis Serah Terima Tugas Jawatan Pengarah Jabatan Logistik di Mes Pegawai Kanan, Bukit Aman.

Secara rasminya DCP Dato' Zubaidah Md. Ismail yang sebelum ini memegang

jawatan sebagai Timbalan Pengarah 1, Jabatan Logistik mengambil alih tugas sebagai Pemangku Pengarah Jabatan Logistik.

"Saya mewakili isteri saya, Datin Aishah Saad yang tidak dapat hadir pada majlis ini merakamkan ucapan terima kasih kepada warga PERKEP Malaysia, yang selama ini telah membantu dan bekerjasama sehingga PERKEP Jabatan Logistik berjaya menganjurkan pelbagai program yang bermanfaat untuk semua ahli"

"Walaupun saya akan meninggalkan pasukan yang amat saya cintai dan sayangi ini, namun saya berharap jalinan perkenalan di antara kita yang telah bermula dalam Polis Diraja Malaysia ini, tidak akan terputus begitu sahaja tetapi akan terus berkekalan selepas ini. Tali silaturrahim ini harus kita perkukuhkan dan muliakan buat selama-lamanya", akhiri ucapan Datuk Mashuri

Zainal pada majlis itu.

Majlis serah terima tugas tersebut disaksikan oleh Deputy Inspektor Jeneral Datuk Hussin Hj. Ismail, Timbalan Ketua Polis Negara.

"Segala jasa, pengorbanan dan khidmat bakti Yang Dihormati Datuk taburkan kepada pasukan dan Negara selama ini, adalah amat besar dan tidak ternilai, serta sukar diungkapkan dengan kata-kata, "Your position speaks volume of your stature", kata Datuk Hussin di majlis itu.



PENTINGNYA ILMU ICT KURSUS KOMPUTER CAWANGAN KEM KOMANDAN

Bukit Aman, 10 Januari 2011 – Kursus Komputer Siri 1/2011 yang dianjurkan oleh Kem Komandan Bukit Aman telah diadakan selama lima hari mulai 10 - 14 Januari 2011 bertempat di Bilik Latihan III, Tingkat 8, Teknologi Maklumat, Menara 1, Bukit Aman. Kehadiran peserta kursus seramai 30 orang, terdiri daripada anggota dan pegawai awam yang dipilih dari setiap unit Cawangan Kem Komandan.

Objektif kursus ini adalah diharapkan peserta berupaya mempertingkatkan, melengkapkan kemahiran, ilmu pengetahuan, dan teknik-teknik penggunaan

Microsoft Office 2007, membantu membuat Ms-Word, Ms-Excel, Ms-Power Point serta penggunaan sistem pengoperasian Window Vista Business. Kursus ini dibantu oleh tenaga pengajar dari Bahagian Teknologi Maklumat yang berpengalaman.

"Walaupun Kursus ini adalah asas tetapi ia detik permulaan ke arah celik komputer untuk memberi pendedahan sebelum melangkah ke tahap yang lebih tinggi pembelajarannya. Ia juga mendedahkan kepada peserta yang tidak mempunyai asas dalam bidang komputer. Sebenarnya tidak terlewat untuk mengenali dan mempelajari ilmu ICT, yang penting perlu ditanamkan minat mendalam bagi merealisasikan



dasar PDRM dan pelaksanaan tugas. Memandangkan Sistem Laporan Polis (PRS) digunakan untuk menerima report hinggalah proses siasatan dan pendakwaan maka ilmu ICT perlu dititikberatkan ke arah kemantapan tugas," demikianlah ucapan ASP Hahlan Hassan (ASP Kem Komandan) mewakili SUPT Ali Ahmad.



Malaysia tangga ke-22 Paling Selamat di Dunia

Oleh : SM Megat Nizar



Kuala Lumpur, 25 Mac 2011 – Malaysia menduduki tangga ke-22, negara paling selamat di dunia. Pengisytiharan itu dibuat oleh Global Peace Index. Daripada 149 negara yang paling selamat di dunia, berbanding dengan kedudukan ke-38 pada tahun 2008 dan ke-26 pada tahun 2009.

“Dalam konteks keyakinan masyarakat dan rasa takut menjadi mangsa jenayah, kajian yang dijalankan oleh Taylor Nelson Sofres (TNS) Research

International Malaysia mendapati keyakinan masyarakat terhadap PDRM telah meningkat kepada 55.8% dalam tempoh suku terakhir tahun 2010 berbanding 42.2% bagi tempoh suku kedua tahun 2010”.

“Sementara itu, dalam tempoh suku terakhir tahun 2010, rasa takut menjadi mangsa jenayah telah menurun kepada 52.8% berbanding 55.1% bagi tempoh suku kedua tahun 2010,” ujar Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar, Ketua Polis Negara, ketika berucap di Perbarisan Sempena Peringatan Hari Polis Ke-204 Tahun di Dataran Kawad Pusat Latihan Polis, Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Turut dihadiri adalah Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri.

Tambah Tan Sri Hj. Ismail lagi, “peringkat Asia Pasifik pula Malaysia berada di tempat ke-4 di belakang New Zealand, Jepun dan Australia, dan ini merupakan satu pencapaian yang memberangsangkan dan PDRM akan memastikan prestasi ini dapat dipertingkatkan pada masa akan datang.”



Sepang, 14 Januari 2011 - Pegawai dan anggota UNAMID dan UNMIS yang diketuai oleh DSP Leow Kian Heong, Ketua UNPOL Malaysia telah selamat tiba ke tanahair.

“Kejayaan tuan-tuan bertugas dengan penuh cemerlang adalah disebabkan tuan-tuan berpegang teguh kepada etika dan prinsip yang ditanam dalam diri dan juga menjaga disiplin serta nama baik pasukan”.

Demikian kata Dato’ Robiah Abdul Ghani, Pengarah Pengurusan PDRM semasa menyambut kepulangan 23 orang pegawai dan anggota PDRM yang menamatkan tugas Misi Pengaman PBB, United Nation African

Union Mission in Darfur (UNAMID) dan United Nation Union Mission in Sudan (UNMIS) di Bilik VIP KLIA, Sepang.

Dato’ Robiah juga sebagai mewakili PDRM dan kerajaan melahirkan rasa bangga kepada pegawai dan anggota yang telah mengharumkan nama negara dan telah berkhidmat dengan cemerlang selama setahun bermula dari 13 Januari 2010 hingga 14 Januari 2011 di Darfur, Sudan iaitu salah sebuah negara yang bergolak di dunia.

Ketika berucap di majlis itu, Dato’ Robiah turut mengingatkan para pegawai dan anggota yang baru pulang ke tanahair agar mengamalkan sikap berhemah dan

‘Duta Kecil’ di UNAMID dan UNMIS

Oleh : L/Kpl. Aslam Syir Khan



berjimat cermat dalam perbelanjaan serta turut sama mendoakan keselamatan rakan seperjuangan seramai 258 orang yang pada masa kini masih lagi berkhidmat di Timor Leste dan Sudan.

Turut hadir di majlis ini ialah Dato’ Zaleha Abdul Rahman, Timbalan Pengarah Pengurusan (Pentadbiran), DSP Zainuddin Kassim, Timbalan Ketua Polis Daerah Sepang (KLIA) dan DSP Che Zakaria Othman, Pemangku Ketua PT Istiadat, PDRM.

Sepang, 15 Jan 2011 – Malaysian Crime Prevention Foundation (MCPF) menghantar pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia ke Australia untuk tujuan lawatan sambil belajar di Victoria Police.

Mereka terdiri daripada ASP Ahmad Hisyam Mohamed Sawi (Balai Polis Bercham, Ipoh, Perak), Juara Kategori A 2007, Sarjan Mohd Taha Johan (Balai Polis Tengker, Melaka), Juara Kategori B 2007, C/Insp Mahadi Hussin (Balai Polis Paka, Terengganu), Juara Kategori A 2009 dan SM Abdul Latif Deraman (Balai Polis Batu Gajah, Melaka), Juara Kategori B 2009.

"YPJM dengan rasa penuh tanggungjawab demi meningkatkan imej PDRM, mengambil langkah menghantar pegawai dan anggota tersebut ke Melbourne Australia"

"Program yang ditaja oleh MCPF ini adalah sebagai tanda sokongan padu dan sejajar dengan usaha Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar, Ketua Polis Negara, ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara selamat dan

bebas jenayah serta mahu melihat imej PDRM lebih positif di mata masyarakat"

Demikian kata Tan Sri Robert Phang, Pengerusi MCPF kepada pemberita ketika mengadakan sidang akhbar di Kuala Lumpur International Airport (KLIA), sebelum berlepas ke Australia.

Turut sama dalam majlis ini ialah Dato' Seri (Dr.) V.S Suwaminathan (Exco MCPF), Datuk Mohamed Darus Mahmud (Exco MCPF), ACP Rasdi Ramli Pen. Pengarah Pengurusan (Perhubungan Awam), ACP Ramli Mohamed Yooosuf Pen. Pengarah Pengurusan (Hal Ehwat Awam) dan SUPT. Abd. Wahab Harun (Urusetia KPN).

Delegasi itu diketuai oleh ASP Azmi Hamid, PT Hal Ehwat Awam, Kontinjen Perlis dan dibantu oleh Hj. Abd Aziz Ariffin.

Di antara program yang diikuti oleh delegasi ketika berada di Australia seperti kuliah, aspek ketika melakukan tugas rondaan jalanan, kepolisan masyarakat dan pencegahan jenayah yang dilaksanakan oleh Australia Police.

MCPF taja Polis ke Australia

Oleh : SM Megat Nizar



'Warisan Darah Perwira', VAT 69 Komando, TERPAHAT SEJARAH

Oleh : SM Megat Nizar

Kuala Lumpur, 24 Mac 2011 – Majlis Kenangan 'Warisan Darah Perwira' bersama Veteran 69 Komando Polis Diraja Malaysia (PDRM), berlangsung di Hotel Vistana, Kuala Lumpur.

Sejarah telah tercatat membuktikan unit elit 69 Komando PDRM telah membuktikan keupayaan yang amat membanggakan pada era keganasan Komunis di mana perjuangan mereka mengahpuskan penganas komunis memainkan peranan yang amat penting dalam rentetan kronologi keamanan negara sehingga yang dikecapi pada hari ini.

"Martabat kemuliaan diri warga 69 Komando semakin besar maknanya kepada Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) apabila dipaksikan sebagai nilai integriti formasi dan institusi kepada ibu pertiwi".

"Penghargaan seharusnya diberi kepada pihak Urusetia KPN (Tatatertib) PDRM, Institut

Integriti Malaysia (IIM) Arkib Negara Malaysia dan Persatuan Veteran VAT 69 Komando atas usaha bersama memartabatkan dan mendokumentasi sejarah perjuangan PDRM dalam memelihara keamanan negara sejak sekian lama".

Demikian kata Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar, Ketua Polis Negara, ketika berucap di majlis yang turut dihadiri para isteri dan keluarga veteran 69 Komando PDRM itu.

"Semoga darah yang mengalir sanggup berkorban yang dimiliki oleh para veteran 69 Komando ini akan dapat diwarisi oleh setiap warga PDRM dan keluarga mereka di seluruh negara seterusnya menyambung perjuangan anggota terdahulu yang terkorban dalam memelihara keamanan negara dengan paksi integriti", ujar Tan Sri Hj. Ismail di majlis yang penuh nostalgia itu.

Pada majlis itu turut dipertontonkan persembahan sketsa daripada Veteran Vat 69

Komando diiringi dengan deklamasi sajak yang mengisahkan perjuangan pasukan VAT 69 Komando pada zaman keganasan komunis.





KDN SASAR LEBIH CEMERLANG

Oleh : SM Megat Nizar

Kementerian Dalam Negeri (KDN), baru-baru ini melaporkan hasil Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) untuk 2010 berjaya melangkaui sasaran awal menentang jenayah di seluruh negara.

Pada awal 2010, sasaran ditetapkan untuk pengurangan 5 peratus indeks jenayah yang melibatkan 14 kategori berbeza di samping penurunan 20 peratus jenayah jalanan yang merangkumi ragut dan rompakan tidak bersenjata.

Selain itu, sasaran turut ditetapkan untuk menutup 2,000 kes jenayah berat yang tertanggung serta mengemukakan 5,500 kes jenayah berat untuk pendakwaan di mahkamah.

Usaha mencapai sasaran ini bukan sahaja dipikul Polis Diraja Malaysia (PDRM) malahan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM).

Jabatan lain di bawah KDN iaitu Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Imigresen, Jabatan Penjara, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB), di samping agensi kerajaan yang lain turut membantu bagi mencapai semua sasaran tersebut dicapai atau melangkaui jangkaan.

Laporan Tahunan Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2010 menunjukkan pencapaian dalam mencantas indeks jenayah mencapai keputusan yang amat memberangsangkan dengan penurunan 15 peratus (penurunan lebih 32,000 kes) berbanding 5 peratus yang disasarkan.

Peratusan itu juga merupakan rekod penurunan jenayah tertinggi sejak negara merdeka sementara kejiranan yang sebelum ini mencatatkan kadar jenayah yang tinggi turut menunjukkan penurunan mendadak.

Jenayah jalanan berjaya dikurangkan sebanyak 35 peratus, hampir dua kali ganda sasaran awal sebanyak 20 peratus.

Negeri 'panas' seperti Pulau Pinang mencatatkan penurunan lebih 25 peratus kadar jenayah sementara Selangor dan Johor masing-masing mencatatkan 11.36 peratus dan 1.55 peratus penurunan tambahan untuk tiga bulan pertama 2011.

Buat pertama kalinya juga, kadar jenayah di seluruh negara dapat dikurangkan selepas empat tahun berturut-turut menunjukkan peningkatan mendadak terutamanya bagi jenayah jalanan.

Antara kejayaan yang dinyatakan laporan GTP 2010 itu termasuk rampasan 2,371 kenderaan dalam Ops Lejang, 2,471 penahanan untuk rompakan tepi jalan (Ops Rentap), 2,050 penahanan untuk kes pecah rumah (Ops Pintu) dan penyediaan 1,008 Alat Komunikasi Mudah Alih (MACD).

Hasil kejayaan itu turut diiktiraf Yayasan Pencegah Jenayah Malaysia (MCPF) bukan sahaja kerana telah mengurangkan kadar jenayah negara malahan jauh melangkaui sasaran awal NKRA dalam hanya satu tahun.

Naib Pengerusi MCPF, Tan Sri Lee Lam Thye menganggap pencapaian itu amat membanggakan tetapi menegaskan masih ada ruang untuk ditingkatkan.

"Kita berharap pihak polis dan agensi berkaitan meneruskan usaha agar dapat mencapai hasil lebih baik untuk 2011", ujar Tan Sri Lee Lam Thye.

"Usaha ini memerlukan komitmen berterusan dari semua anggota PDRM tidak kira yang berpangkat tinggi atau rendah," kata Tan Sri Lee Lam Thye lagi.

Presiden Persatuan Pegawai-Pegawai Kanan Polis Bersara Malaysia (RESPA), Mohd. Jamil Mohd. Hassan pula berpendapat usaha dan kerjasama antara pihak berkuasa dengan orang ramai menjadi kunci kejayaan yang dicapai.

"Pencapaian yang amat baik ini memerlukan kerjasama semua pihak dan tentu kita semua berharap keputusan setanding atau lebih baik dapat dicapai untuk 2011."

"Selain itu, aplikasi teknologi canggih dan terkini juga perlu diberi penekanan melalui penyediaan peruntukan yang cukup bagi membolehkan usaha menentang jenayah terus mengekalkan momentumnya," ujar Mohd Jamil Mohd Hassan.

Laporan tahunan GTP 2010 berkenaan turut menyatakan kerjasama antara orang ramai, pihak swasta dan anggota beruniform menjadi antara kunci kejayaan sasaran NKRA tersebut.

Melalui 2,168 skim rondaan sukarela (SRS), 108,400 orang awam menyertai warga RELA, JPAM dan Pasukan Gerakan AM (PGA) menjalankan rondaan terutamanya di kawasan panas di samping pemantauan



387,734 ahli RakanCop serta kehadiran Balai Polis Bergerak bersama Unit Motosikal Polis.

Maklum balas Jawatankuasa Antarabangsa Penilaian Prestasi (IPR) untuk NKRA turut menyokong langkah menyusun semula tugas anggota polis ke barisan hadapan sebagai pemikiran luar kotak dan komitmen agihan tenaga kerja secara bijak yang amat berkesan.

Jawatankuasa itu turut menyokong cadangan menyediakan teknologi terkini dan lebih canggih kepada anggota polis bukan sahaja bagi menghalang jenayah malahan untuk menjangka perubahan bentuk jenayah yang mungkin dilakukan kelak.

Untuk 2011, KDN telah menetapkan beberapa sasaran baru dalam menentang jenayah termasuk penurunan 5 peratus indeks jenayah dan pengurangan 20 peratus jenayah jalanan berbanding 2010.

Selain itu, sasaran turut ditetapkan agar cuma 50 peratus penduduk negara ini yang mempunyai rasa khuatir menjadi mangsa jenayah (52.8 peratus pada 2010), 60 peratus responden berpuas hati dengan perkhidmatan PDRM (55 peratus pada 2010) dan membawa sekurang-kurangnya 20 peratus kes siasatan yang dibuka untuk pendakwaan di mahkamah.

Dengan kerjasama semua pihak terutamanya orang ramai serta penyediaan teknologi terkini untuk pihak berkuasa, bukan sahaja angka-angka sasaran ini dapat dicapai malahan kadar jenayah negara pasti dapat dikurangkan dengan mendadak.

Semua usaha tersebut perlu digembeling dari sekarang demi menjamin dan menyediakan persekitaran lebih selamat dan selesa untuk generasi akan datang seterusnya menjamin kelangsungan bumi bernama Malaysia ini.



Program Gaya Hidup Sihat dilancar

Oleh : SM Megat Nizar

Kuala Lumpur, 26 Mac 2011 – Pelancaran Program Gaya Hidup Sihat Polis Diraja Malaysia (PDRM), dirasmikan oleh Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar, Ketua Polis Negara di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur, Jalan Semarak, Kuala Lumpur.

Gaya hidup yang sihat merupakan kunci utama kepada kesejahteraan insan. Insan yang sihat pastinya dapat memainkan peranan aktif terhadap pembangunan agama, bangsa dan negara. Dalam penugasan kepolisan yang sentiasa terdedah kepada risiko dan tekanan, keperluan gaya hidup sihat adalah menjadi amat penting. Hanya dengan gaya hidup sihat, seseorang anggota polis dapat mengurangkan impak masalah-masalah kesihatan.

Mengikut rekod, sepanjang tahun 2010, sebanyak 657 kes yang melibatkan sakit jantung telah direkodkan di kalangan pegawai, anggota, kakitangan awam, pesara dan keluarga warga PDRM.

Pada tempoh yang sama, sebanyak 111 kes kematian telah dicatat. Ini merupakan satu kadar signifikan yang perlu diberi perhatian.

Disamping itu juga, trend yang membimbangkan juga dilihat dalam kes-kes penyakit darah tinggi serta penyakit diabetes.

Merujuk kepada fakta tersebut, PDRM telah merangka 'Program Gaya Hidup Sihat PDRM' dengan harapan untuk mencapai wawasan "Polis Sihat Masyarakat Selamat" berkonsepkan amalan membudayakan gaya hidup sihat dan cergas di kalangan warga PDRM. Program Gaya Hidup Sihat PDRM ini akan dipanjangkan ke seluruh kontinjen.

"Sebagai agensi penguatkuasa undang-undang, PDRM memainkan peranan penting dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Dengan membudayakan kehidupan sihat sepanjang hayat, saya yakin warga PDRM mampu mendidik diri serta mendisiplinkan diri untuk mengamalkan gaya hidup sihat demi menggalas amanah dan tanggungjawab yang diamanahkan".

Demikian kata Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar, Ketua Polis Negara ketika berucap melancarkan Buku Panduan Gaya Hidup Sihat PDRM.

Majlis dimulai dengan sesi senamrobik

secara beramai-ramai di Dataran Kawad PULAPOL yang diketuai oleh Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar, dengan dihadiri bersama Deputi Inspektor Jeneral Datuk Hussin Hj. Ismail, Timbalan Ketua Polis Negara.

Turut hadir Puan Sri Hajjah Suriati Hj. Md. Sobri, Pengerusi PERKEP Malaysia, Datin Nur Habibah Hatim, Naib Pengerusi PERKEP Malaysia dan Dato' Robiah Abdul Ghani, Pengarah Pengurusan PDRM merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Program Gaya Hidup Sihat PDRM 2011.

Hadir sama Dr. Lokman Hakim Sulaiman, Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan Malaysia dan Profesor Madya Dato' Dr. Mohd Ramzisham Abdul Rahman, Pengarah Pusat Jantung/Paru-paru dan Pakar Perunding Bedah Jantung/Paru-paru Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia.





Tingkatkan profesionalisme dalam perkhidmatan

Oleh : SM Megat Nizar

Kuala Lumpur, 14 Januari 2011- Tan Sri Lee Lam Thye, Naib Pengerusi 1, Malaysian Crime Prevention Foundation (MCPF), menyarankan perlu adanya persefahaman antara masyarakat dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam mengekalkan suasana aman dan selamat di negara ini.

Tan Sri Lee Lam Thye memulakan ucapan di Majlis Amanat Ketua Polis Negara di Maktab PDRM Kuala Lumpur, dengan menyenaraikan



beberapa cadangan dan buah fikiran sebagai usaha kepada penambahbaikan perkhidmatan organisasi PDRM.

Tan Sri Lee Lam Thye juga telah memaklumkan beberapa harapan masyarakat terhadap kredibiliti dan penugasan PDRM.

“Masyarakat ingin melihat profesionalisme semasa anggota polis menjalankan tugas, dalam ertikata lain sentiasa membantu, mesra, berdisiplin dan telus dalam menjalankan tugas”, ujar Tan Sri Lee Lam Thye.

Tambah Tan Sri Lee lagi, “masyarakat juga mahukan anggota polis yang berkhidmat berorientasikan masyarakat dan menyokong penuh konsep 4P (*Protective, Proactive, People Oriented* dan *Performance and Outcome Oriented*) yang diilhamkan oleh Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar, Ketua Polis Negara.”

“Pada masa kini, wujud cabaran-cabaran yang harus dipikul oleh PDRM. Meraih penghormatan dan kepercayaan daripada masyarakat, memperkasakan kuasa dan penugasan polis, meningkatkan rasa selamat di kalangan masyarakat, penerusan usaha

dan komitmen dalam tugas, dan yang paling penting, interpretasi positif masyarakat terhadap PDRM”.

“Tanggapan masyarakat bahawa pihak polis sentiasa melindungi anggotanya yang melakukan kesalahan, tidak telus dalam membuat siasatan, mengamalkan rasuah perlu ditangkis dan diambil perhatian dalam usaha PDRM menaikkan semula imej dan kepercayaan masyarakat terhadap perkhidmatan PDRM”.

Penghargaan dan pengiktirafan terhadap anggota polis yang mempamerkan perkhidmatan cemerlang perlu diberikan publisiti yang lebih meluas oleh pihak media supaya masyarakat sedar bahawa mereka inilah yang bersusah payah dan sanggup bergadai nyawa demi menjaga keamanan negara Malaysia yang tercinta.

Dengan mempamerkan kualiti kerja yang terbaik, berintegriti, profesional dan penuh ikhlas, nescaya persepsi kurang senang terhadap PDRM dapat dihakis sedikit demi sedikit dan kepercayaan terhadap PDRM dapat diperkukuh sehari demi sehari.

“PDRM perlu melantik seseorang dari sesuatu komuniti atau pertubuhan yang berintegriti sebagai ‘sahabat’ polis untuk memberi idea dan menyampaikan maklum balas kepada PDRM, juga sebagai pemikir dan wakil dalam memperkasakan masyarakat”, usul Tan Sri Lee Lam Thye dalam memperbaiki interpretasi masyarakat terhadap kualiti perkhidmatan polis.

“Di samping itu motivasi juga perlu

diwujudkan dalam diri setiap warga PDRM untuk membudayakan pemikiran baru bagi menjalankan tugas hakiki dan sewajarnya mengambil iktibar dari rentetan sejarah kepolisan negara, sebagai contohnya Peristiwa Bukit Kepong”.

“Penglibatan dalam masyarakat bagi mengubah istilah ‘keras dan dingin’ yang ditujukan kepada polis wajar diteruskan dan ucapan tahniah kepada Ketua Polis Selangor, DCP Dato’ Tun Hisan atas ilhamnya melancarkan ‘Ops Payung’ di Selangor dan sebolehnya diimplementasikan ke seluruh Negara”, tambah Tan Sri Lee lagi.

Seterusnya Tan Sri Lee menyarankan agar kemahiran komunikasi anggota PDRM juga perlu dipertingkatkan dan penguasaan lebih daripada satu bahasa digalakkan bagi membolehkan interaksi secara profesional dan berhemah kepada masyarakat dibudayakan.

Tan Sri Lee seterusnya turut mencadangkan, kaunselor-kaunselor sukarela diwujudkan di kalangan pesara-pesara polis bagi mengaplikasikan pengalaman mereka seterusnya memotivasi orang ramai dalam pencegahan jenayah.

Di akhir ucapannya, Tan Sri Lee Lam Thye melahirkan harapan agar kerjasama polis bersama masyarakat diteruskan bagi merealisasikan hasrat seluruh rakyat Malaysia untuk melihat PDRM sebagai agensi penguatkuasaan undang-undang yang terunggul di mata dunia.



Kaunter Saman Trafik di Pejabat Pos

Oleh : Kpl. Mohamad Wahid Din

Kuala Lumpur, 3 Mac 2011 – Bermula dengan lima kaunter di Pejabat Pos di sekitar Lembah Klang, kini sebanyak 703 kaunter telah dibuka di seluruh negara, bagi memudahkan orang ramai menyemak dan seterusnya membayar saman trafik, terutamanya bagi penduduk luar bandar agar tidak perlu lagi bersusah-payah ke kaunter bayaran saman di Ibu Pejabat Polis Daerah.

Perkhidmatan yang disediakan itu merupakan nilai tambah kepada seruan kerajaan untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan melalui penggunaan ICT yang meluas seperti perkhidmatan *e-Counter* dan suatu kerjasama *win-win situation* masyarakat dan sektor perkhidmatan PDRM serta Pos Malaysia Berhad.

PDRM adalah organisasi penguatkuasaan undang-undang utama yang menjalankan tugas dan tanggungjawab dalam mengekalkan keselamatan dan kesejahteraan negara. Manamana pesalah trafik dapat mengambil iktibar daripada saman-saman yang telah dikenakan oleh polis untuk lebih berhemah dan mematuhi undang-undang semasa di jalan raya.

"Kemudahan perkhidmatan yang disediakan itu merupakan berita gembira kepada seluruh warga Malaysia yang hendak berurusan berkenaan saman trafik PDRM. Semakan dan bayaran saman boleh dilakukan di Pejabat Pos Malaysia Berhad yang menyediakan kaunter perkhidmatan tersebut di seluruh Malaysia".

"Masyarakat jangan cuba merasuah polis apabila melakukan kesalahan jalan raya. Jangan



sekali-kali cuba menyelesaikan kesalahan di tepi jalan kerana ia berlawanan dengan prinsip etika. Terimalah saman yang dikenakan itu. Jika ini dipupuk dan dijadikan tabiat, nescaya masyarakat kita akan lebih ampuh dari segi nilai dan prinsip moral"

Demikian kata Deputy Inspektor Jenaral Datuk Hussin Hj. Ismail, Timbalan Ketua Polis Negara ketika berucap di Majlis Menandatangani Perjanjian Dan Pelancaran Pembayaran Saman Trafik di Kaunter Pos Malaysia Berhad di Ibu Pejabat Pos Malaysia Berhad, Dayabumi, Kuala Lumpur.

Hadir di majlis yang bersejarah itu ialah Tan Sri Dato' Seri Dr. Aseh Che Mat, Pengerusi Pos Malaysia Berhad, Dato' Khalid Abu Bakar, Pengarah Jabatan KDN/KA dan Dato' Hj. Solah Mat Hassan, Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan.

Turut hadir Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah, Ketua Polis Kuala Lumpur, Dato' Hj. Ghazali Hj. Md Amin, Setiausaha Polis Malaysia (SUPM) dan Dato' Abd Aziz Yusof, Ketua Trafik Pasukan, Polis Diraja Malaysia.





BUKIT AMAN hos Mesyuarat

Oleh : SM Megat Nizar

Bukit Aman, 9 Mac 2011 – Polis Diraja Malaysia (PDRM) diberi penghormatan menjadi hos kepada Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian Dan Ketua Perkhidmatan (KSU/KP) Bil 3/2011, yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Ketua Polis Negara, Tingkat 31, Menara 1, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur.

Menurut Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar, Ketua Polis Negara, “bagi mencapai matlamat yang disasarkan dengan berperanan utama untuk mewujudkan persekitaran yang selamat, PDRM berpegang pada Visi PDRM iaitu, agensi peneraju dalam menjadikan Malaysia negara selamat, aman dan sejahtera dan juga Misi PDRM iaitu, memberi perkhidmatan profesional dan berkualiti dalam melindungi negara dan menjamin persekitaran yang selamat bagi masyarakat.”

Kata Tan Sri Hj. Ismail lagi, “untuk mengembalikan keyakinan masyarakat terhadap Pasukan Polis, proses dalaman dimantapkan melalui pembudayaan pemikiran kreatif dan inovatif bagi membentuk *value creation*, memvariasikan lanskap pencegahan jenayah melalui pendekatan *community policing* dan pemantauan berterusan ke atas sistem dan proses kerja. Seiring dengan era transformasi, PDRM telah membuat ketetapan hala tuju untuk 5 tahun akan datang melalui Pelan Strategik 5 Tahun (PS5T PDRM) bagi tempoh 2011 hingga 2015.”

Pelan Strategik 5 Tahun PDRM diwajibkan kepada 4 tonggak strategi yang merangsang

pembangunan negara iaitu, Pertama: Gagasan 1Malaysia, Kedua: Pelan Transformasi Kerajaan, Ketiga : Model Ekonomi Baru dan Keempat: Rancangan Malaysia Ke-10.

PS5T PDRM yang juga menjadi landasan transformasi PDRM, telah diberi nilai tambah kepada pelanggan disamping memfokuskan kepada produktiviti dan keberkesanan serta penilaian pencapaian prestasi berorientasikan keberhasilan (*outcome based*).

“Dalam perubahan persekitaran yang serba kompleks dan pelbagai idea dan tren hasil sentuhan arus globalisasi serta dunia tanpa sempadan, pendekatan keterangkuman yang mengguna pakai kaedah Petunjuk Prestasi Utama Seimbang atau *Balanced Key Performance Indicator* atau singkatannya BKPI yang menjadi asas dalam pembangunan PS5T PDRM, berkebarangkalian dapat meningkatkan keberhasilan PDRM terutamanya dari aspek mengurangkan jenayah”, ujar Tan Sri Hj. Ismail.

Ketua Polis Negara juga tidak ketinggalan menterjemahkan Konsep 4P yang telah dilancarkan pada 30 September 2010, iaitu satu hala tuju PDRM, sebagai kesinambungan kepada misi dan visi PDRM.

“Dengan menggariskan 33 petunjuk prestasi utama bagi 4 perspektif yang merangkumi faktor-faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi prestasi PDRM ke arah pencapaian 8 objektif PDRM, PDRM berkemampuan membuat pembaharuan dalam memberi kepuasan kepada pelanggan dan memuaskan hati stakeholder melalui pengurusan kewangan yang cekap

dan perbelanjaan yang berhemah dengan berteraskan kaedah berinovasi”

“PDRM juga sentiasa relevan melalui proses kerja yang cekap bagi setiap proses dalam serta disulami pembangunan dan pembelajaran yang mantap bagi menghasilkan warga PDRM yang bermotivasi, berkemahiran tinggi dan berintegriti”, kata Tan Sri Hj. Ismail di mesyuarat itu yang turut dihadiri oleh Tan Sri Mohd Sidek Hj. Hassan, Ketua Setiausaha Negara, Dato’ Sri Abu Bakar Hj. Abdullah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Jeneral Tan Sri Dato’ Sri Azizan Ariffin, Panglima Angkatan Tentera Malaysia.



Tingkatkan imej PDRM -Dato' Seri Hishammuddin

Oleh : SM Megat Nizar



Kuala Lumpur, 25 Mac 2011 – “Imej pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM), hendaklah diangkat ke suatu tahap yang lebih tinggi jika ingin memenuhi harapan rakyat terhadap mereka”

“Dalam konteks itu, integriti menjadi kunci utama kerana hanya dengan kepercayaan dan keyakinan rakyat, PDRM mampu melakukan perubahan”.

“Bagaimanapun, kini terbukti tahap keyakinan masyarakat terhadap PDRM telah menunjukkan peningkatan kepada 55.8 peratus pada September tahun lalu, berbanding 35.6 peratus tahun sebelumnya mengikut kajian yang dijalankan

pasukan yang lebih disegani dan bertaraf dunia”, ujar Dato' Seri Hishammuddin dengan penuh yakin di bawah kepimpinan Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar, Ketua Polis Negara.

“Pucuk pimpinan PDRM hendaklah mengenal pasti potensi anak-anak muda untuk diserapkan berkhidmat dalam PDRM, tanpa perlu menunggu mereka tampil memohon untuk menjadi seorang anggota polis”, kata Dato' Seri Hishammuddin di acara perbarisan itu yang turut dihadiri isterinya Tengku Datin Seri Marsilla Abdullah.

Kata Dato' Seri Hishammuddin lagi, “tugas membentuk prasarana dan modul dalam latihan bukanlah perkara yang terlalu sukar. Namun,

penambahbaikan berkaitan kelayakan masuk, penggredan semula struktur pangkat dan gaji matrik serta imbuhan tetap sejajar dengan saranan Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM.

Sebelum itu, Dato' Seri Hishammuddin, telah melakukan Pemeriksaan Baris, setiap unit dalam PDRM, dengan menaikki kenderaan khas yang diiringi oleh Inspektor Jeneral Tan Sri Hj. Ismail Hj. Omar, Ketua Polis Negara.

Pada acara itu, buku 'Warisan Darah Perwira Sang Saka Biru', turut dilancarkan. Buku itu hasil kerjasama PDRM, Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Arkib Negara Malaysia.

Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, turut disematkan 'Sayap Kehormat Terjun Payung 69 Komando' sebagai satu penghormatan tertinggi daripada PDRM yang disempurnakan oleh Dato' Mohammad Fuad Abu Zarim, Timbalan Pengarah Jabatan KDN/KA (PGK).



oleh perunding bebas, TNS Research”.

Demikian kata Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, ketika menyampaikan ucapan tama, sempena Sambutan Peringatan Hari Polis Ke-204, di Dataran Kawad, Pusat Latihan Polis (PULAPOL), Kuala Lumpur.

Kata Dato' Seri Hishammuddin lagi, “perubahan yang harus dilaksanakan perlu dibuat melalui pengambilan pegawai dan anggota baru PDRM, agar memenuhi kriteria yang digariskan.”

“Jika proses pengambilan mengutamakan ciri-ciri baru, saya yakin pasukan yang bakal dibentuk mampu muncul sebagai sebuah

membentuk jiwa dan keperibadian tulen selaku anggota polis adalah satu tugas yang amat penting untuk digerakkan.”

“Melalui modul latihan yang diberikan di samping memiliki pengetahuan, kemahiran, peruntukan undang-undang dan perkakasan terkini, mereka pasti dapat menangani jenayah alaf baru yang tidak pernah terbayang selama ini”.

Ketika berucap di acara bersejarah itu, Dato' Seri Hishammuddin berkata, “Kementerian Dalam Negeri akan memperkenalkan skim perkhidmatan baru kepada anggota pasukan itu agar sentiasa relevan dan berdaya saing.”

Skim tersebut bakal menumpukan kepada

